



Headline: Peniaga rugi RM199,096 diperdaya wakil pos
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 17 September 2020

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 32

Peniaga rugi RM199,096 diperdaya wakil pos

KUANTAN: Seorang peniaga di sini kerugian RM199,096 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang mendakwanya terlibat kes penggubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, pada 5 Ogos lalu, mangsa, 45, menerima panggilan telefon daripada individu yang memperkenalkan dirinya wakil dari pejabat pos.

Katanya, suspek memaklumkan terdapat bungkusian mencurigakan di alamatkan kepada mangsa sebelum menyambungkan talian kepada suspek lain yang menyamar sebagai anggota polis.

“Pengadu (mangsa) dikatakan terlibat kes penggubahan wang haram. Bagi mengelak daripada ditangkap, pengadu diminta membuat bayaran.

“Dia telah membuat bayaran melalui 12 transaksi ke dalam tiga akaun dan dijanjikan pemulangan wang apabila kes itu telah diselesaikan nanti,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Mohd. Wazir menambah, mangsa menyedari ditipu apabila berterusan dihubungi dan diminta membuat pelbagai bayaran lain termasuk wang jaminan.

Mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan di sini semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.



**Dia telah
membuat
bayaran melalui
12 transaksi ke
dalam tiga akaun.”**

**MOHD. WAZIR
MOHD. YUSOF**